

TARIKH : 26 MEI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7

80 lokaliti projek rintis basmi kemiskinan tegar

80 lokaliti projek rintis basmi kemiskinan tegar

Program dilaksanakan dalam tiga fasa dijadual bermula akhir bulan ini

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Sebanyak 80 lokaliti seluruh negara dikenal pasti untuk pelaksanaan projek rintis Fasa 1 Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dijadualkan bermula akhir bulan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata secara keseluruhan, sebanyak 160 lokaliti seluruh negara terbabit dalam pelaksanaan tiga fasa program berkenaan.

Beliau berkata, 10 lokaliti di Sarawak yang terbabit dalam program rintis fasa pertama itu ialah Gedong; Kampung Sebarang Sebuyau, Sebuyau; Kampung Bakong, Lingga; Long Kajang, Belaga; Kampung Spaoh, Betong; Ulu Tinjar, Baram; Pakan; Lawas; Daro dan Telang Usan.

"Tumpuan akan terus diberikan kepada Sarawak kerana negeri ini merekodkan kadar kemiskinan yang tinggi pada 2019,



Abang Johari (kiri) menerima kunjungan hormat Mustapa di pejabatnya di Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya, semalam. (Foto BERNAMA)

iaitu 9.0 peratus berbanding 5.6 peratus kadar kemiskinan nasional.

"Matlamat program BMTKM ialah mencapai kemiskinan tegar sifar pada 2025, sebagaimana ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam usaha merapatkan jurang serta menangani masalah ketidaksamaan pembangunan yang masih wujud antara wilayah dan negeri," katanya.

Beliau demikian pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier

Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, di bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, semalam.

Mengulas lanjut, Mustapa menjelaskan, BMTKM adalah pelengkap kepada program pembasmian kemiskinan sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi.

"Berbeza dengan pendekatan sedia ada dalam strategi pembasmian miskin tegar yang dilaksanakan secara berasingan mengikut fungsi kementerian dan agensi masing-masing, program BMTKM menggunakan pakai

pendekatan keseluruhan negara serta holistik yang membabitkan golongan sasaran tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

"BMTKM juga menggunakan pakai pendekatan dari bawah ke atas yang membabitkan penyeritaan akar umbi serta golongan sasaran dalam merangka program, dengan kaedah penyelesaian kemiskinan secara bersasar dan berbeza bagi setiap lokaliti mengikut keperluan di kawasan terbabit," katanya.

Selain pembabitkan agensi kerajaan pada peringkat Persekutuan, negeri serta daerah, Mustapa berkata, program BMTKM juga membabitkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak seperti universiti awam, pihak swasta, pertubuhan masyarakat sivil, organisasi berasaskan komuniti dan pemimpin setempat.

"Tidak seperti program pembasmian kemiskinan tegar sebelumnya, BMTKM mempunyai dasar pemisah yang jelas selepas berlangsung dua hingga tiga tahun.

"Program BMTKM menekankan aspek pemantauan yang berfokus melalui kerjasama dengan universiti awam dan pelantikan pegawai khusus di setiap negeri," katanya sambil memaklumkan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan memantau pelaksanaan program BMTKM di Sarawak," katanya.